



## LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi DETERIORATION OF STOCK IN COLD STORAGE (Kemosrotan Stok Dalam Simpanan Sejuk)

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Deterioration Of Stock In Cold Storage (Kemosrotan Stok Dalam Simpanan Sejuk). Pastikan anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. **Apakah perincian produk ini?**  
Polisi Deterioration Of Stock In Cold Storage (Kemosrotan Stok Dalam Simpanan Sejuk) menyediakan perlindungan untuk kerugian barangan mudah rosak sewaktu tempoh perlindungan semasa berada di dalam had wilayah yang dinyatakan di dalam polisi.

2. **Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**  
Sekiranya mesin penyimpanan sejuk mengalami kegagalan menyebabkan kerugian atau kerosakan ke atas barangan mudah rosak, polisi ini akan menggarutirugi Diinsurans untuk kerugian yang dialami.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun dan anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun

3. **Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?**  
Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan syarikat insurans pilihan anda. Polisi ini tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM250.00.

4. **Apakah jumlah fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?**

<u>Apakah yang perlu anda bayar selain premium</u>	<u>Jumlah</u>
Cukai perkhidmatan (jika ada)	5% daripada premium
Duti setem	RM10.00

<u>Perkara yang termasuk di dalam premium</u>	<u>Jumlah</u>
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium

5. **Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?**

- ❖ Kepentingan perakuan – Anda perlu memaklumkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda mungkin menjadi tidak sah
- ❖ Polisi ini seharusnya diinsuranskan atas dasar pembaharuan-semula.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini*

6. **Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

- ❖ Deduktibel/Amaun boleh-tolak yang dinyatakan di dalam Jadual akan ditanggung oleh Diinsurans.
- ❖ Kerugian barangan yang disimpan akibat pengecutan, kecacatan semulajadi akibat penyakit, kemosrotan semulajadi atau penyisihan jati semulajadi.
- ❖ Kerugian akibat penyimpanan tidak sesuai, kerosakan pada material pembungkusan, pengedaran udara tidak mencukupi atau suhu tidak sekata.
- ❖ Kerugian disebabkan oleh pembaikan sementara jentera penyejukan diinsurans yang dilakukan tanpa kebenaran Diinsurans.
- ❖ Penalti atas kelewatan dan sebarang bentuk kerugian turutan.
- ❖ Peperangan dan perang saudara.
- ❖ Tindakan sengaja atau kecuai ketara Diinsurans atau wakilnya
- ❖ Kerugian atau kemusnahan sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada risiko tenaga nuklear atau keradiokatifan
- ❖ Malapetaka yang boleh diinsurans di bawah polisi kebakaran.

*Please Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

7. **Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**  
Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda berhak menerima pulangan bayaran premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek\* kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang disimpan oleh kami. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

8. **Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?**  
Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan kesemua surat-menyerurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. **Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**  
Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmG Insurance Berhad**

Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**

Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030  
E-Mel: [amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)  
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

10. **Lain-lain jenis perlindungan yang disediakan**  
Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**